

**DARI PELUKIS MUDA KE BAKAT MUDA: TINJAUAN 45 TAHUN  
PERTANDINGAN BAKAT MUDA SEZAMAN**  
***FROM YOUNG PAINTERS TO YOUNG TALENT: A 45 -YEAR REVIEW  
YOUNG CONTEMPORARIES***

**Mohd Firdaus Naif bin Omran Zailuddin<sup>1</sup>,  
Arif Datoem<sup>2</sup>,  
Nasirin bin Abdillah<sup>3</sup>,  
Muhammad bin Abdullah<sup>4</sup>**

<sup>1, 2 & 3</sup>Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

<sup>4</sup>Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (Cawangan Perak)  
firdaus.oz@umk.edu.my; arif.d@umk.edu.my; nasirin@umk.edu.my; muham725@uitm.edu.my  
Tarikh diterima: 19 Mac 2021 / Tarikh dihantar: 26 April 2021

---

## ABSTRAK

Bakat Muda Sezaman (BMS) merupakan antara pertandingan seni visual paling berprestij di Malaysia. Melalui visi untuk menyediakan satu platform penting yang menjadi pemangkin kepada kemajuan pengkarya muda Malaysia sesuai dengan pertambahan bilangan pelukis muda hasil keluaran institusi pendidikan yang mampan, BMS memenuhi aspirasi dalam meletakkan bakat muda seni negara pada tempatnya. 45 tahun perjalanan BMS memperlihatkan kekuatan pertandingan ini hingga kekal relevan dan terus menjadi acara penting dalam konteks seni visual Malaysia dan seni rumpun (SERUM). Kajian ini merupakan tinjauan awal terhadap BMS dari aspek perlaksanaan, penambahbaikan, format, dan arah tuju BMS kini. Tinjauan ini memberikan pemahaman berkenaan pengalaman BMS dan strukturnya, selain dokumentasi penting terhadap sejarah seni visual Malaysia.

**Kata kunci:** Seni visual Malaysia, Bakat Muda Sezaman, Balai Seni Visual Malaysia.

## ABSTRACT

*Bakat Muda Sezaman (BMS) is one of the most prestigious visual arts competitions in Malaysia. Through its vision to provide an important platform that catalyzes the progress of young Malaysian artists in line with the increasing number of young artists produced by sustainable educational institutions, BMS fulfills its aspirations in putting the country's young artistic talent in its place. BMS's 45 years of travel show the strength of this competition to remain relevant and continue to be an important event in the context of Malaysian visual arts and Seni Rumpun (SERUM). This study is a preliminary review of BMS from the aspects of implementation, improvement, format, and current*

*direction of BMS. This survey provides an understanding of the BMS experience and its structure as well as important documentation of the history of Malaysian visual arts.*

**Keywords:** Malaysian visual arts, Young Contemporaries, Malaysian Visual Arts Gallery.


## PENGENALAN

### **Sejarah Bakat Muda Sezaman (BMS): Satu Aspirasi kepada Bakat Muda Malaysia**

Pameran Bakat Muda Sezaman (BMS) kini menjadi satu acara seni visual yang dinantikan oleh penggiat seni rumpun (SERUM). BMS dilihat sebagai satu platform terbaik kepada artis muda negara memanifestasikan karya mereka dan seterusnya menjadi asas bagi mengangkat nama mereka lebih tinggi ke persada seni antarabangsa. Acara ini dianggap ‘anak emas’ kepada Balai Seni Visual Negara dengan komitmen yang diberikan bagi memastikan BMS kekal relevan dari awal penganjurannya hingga hari ini.

Keinginan para pemaju seni visual Malaysia era 1970-an untuk menyediakan satu pentas bagi mengetengahkan bakat muda harus diberikan pujian. Kemunculan artis muda berbakat cukup memberangsangkan berbanding ketandusan penggiat seni visual tahun 1950-an dan awal 1960-an. Namun begitu, tiada satu pameran khusus yang dianjurkan bagi memberikan pendedahan kepada orang ramai tentang keberadaan artis muda ini. Melalui penganjuran BMS buat pertama kalinya pada tahun 1974, maka tersedia satu platform yang diharap menjadi pemangkin dan motivasi yang serius kepada artis muda dan seterusnya memperkenalkan mereka di arena seni visual (Esa S. , 1974).

Pameran BMS asalnya mengambil konsep anugerah seni “*The Young Contemporaries Exhibition*” di London pada tahun 1960-an. Pameran ini telah menjadi penyumbang penting kepada perkembangan seni visual di British pada masa tersebut (Esa S. , 1974). Anugerah seni ini kemudiannya dikenali sebagai “*Turner Prize*” pada tahun 1990’an (Sidik, 2010) dan menjadi anugerah seni yang sangat berpengaruh dalam arena seni British (Sapija, 2012). Melalui usaha menganjurkan pertandingan ini, kini BMS boleh dilihat sebagai sebuah anugerah seni visual tertua di peringkat Asia Tenggara, dan mungkin juga di peringkat Asia. Hal yang demikian dapat dilihat menerusi senarai hebat pemenang terdahulu seperti Zulkifli Dahlan, Lee Kian Seng, Ponirin Amin, Mastura Abdul Rahman, Zulkifli Yusoff, Tan Chin Kuan, Bayu Utomo Radjikin, Nurhanim Khairuddin dan Susyilawati Sulaiman.



**Rajah 1** Statistik jumlah karya bertanding mengikut tahun dalam BMS (1974-2010).

### DARI SIFAR KE ACARA UTAMA: BMS 1974-1975

BMS 1974 dikenali sebagai pemeran ‘Pelukis-Pelukis Muda Sezaman’. Mereka yang mempelopori dan seterusnya memulakan pemeran ini terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pameran dan Pembelian Balai Seni Lukis Negara pada ketika itu, iaitu Farid Wardi, Johan Ariff, Redza Piyadasa, Mat Yasser Juli, Joseph Tan, Zuraina Majid, Ismail Zain dan T.K. Sabapathy. Pada peringkat awal pengjurannya adalah melalui jemputan kepada 13 orang pelukis muda berdasarkan potensi serta bakat yang baik berdasarkan keterlibatan mereka dalam pameran-pameran tempatan.

Daripada 13 jemputan, tujuh orang pelukis bersetuju untuk mengambil bahagian, tiga orang pelukis mengambil keputusan menarik diri atas sebab tidak mempunyai karya baharu untuk dipamerkan, manakala tiga orang lagi tidak memberikan maklum balas. Sebanyak 37 buah karya telah dipersenjatakan oleh peserta yang terdiri daripada Ruzaika Omar, Normah Nordin, Adman Salleh, Tajuddin Haji Ismail, Siti Zainon Ismail, Mustaffa Haji Ibrahim dan Zulkifli Mohd Dahalan (Imbasan Bakat Muda Sezaman, 1974-1997, 1999). BMS 1974 menyaksikan Zulkifli Mohd Dahalan muncul sebagai pemenang utama melalui karya “Halaman Rumah Kami”.



**Plat 1** Zulkifli Md. Dahalan “Halaman Rumah Kami”, BMS 1974

BMS 1975 pula, menyaksikan perkembangan yang baik apabila menerima penyertaan daripada 37 pelukis muda. Daripada jumlah tersebut, hanya 19 pelukis yang dipilih untuk mempamerkan karya mereka. Pemenang utama ketika itu, Lee Kian Seng menyertai pertandingan dengan tiga karya, iaitu ‘Pemusnahan dan Pengembalian’ (*Process in Consumption and Resumption*), dan dua karya bertajuk “Permainan Poker” (*Process in Poker Game*). Seterusnya, pameran BMS dicadangkan sebagai acara tahunan yang terpenting kepada era pengkarya muda Malaysia.


### PENCARIAN IDENTITI DAN NAFAS ISLAM: BMS 1976-1985

Seni visual Malaysia mengalami satu perubahan yang signifikan melalui perubahan drastik dari aspek sosial, ekonomi, politik mahupun budaya melalui dasar-dasar negara antaranya Dasar Ekonomi Baru (1971), Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971), Dasar Penerapan Nilai Islam Dalam Pentadbiran (1985) selain pengaruh luar seperti Revolusi Iran 1980-an. Menurut Esa (2013), pelaksanaan kongres kebudayaan kebangsaan telah membuka mata pengkarya ketika itu untuk mencari sesuatu yang tulen berasaskan kebudayaan dan hakikat diri seterusnya membuatkan mereka mempersoalkan kepercayaan mereka terhadap kerohanian seni Barat (Esa, S., 2013). Impak perubahan sosial ini juga dapat dilihat pada BMS apabila karya-karya yang dihantar menampakkan kehalusan kreativiti dan inovatif yang mengaitkan bentuk tradisi dan sezaman (Sidek, 2015).

Kejayaan pameran BMS sebelumnya mula menarik perhatian pihak penaja. Malaysia Airlines telah menaja tiket-tiket penerbangan buat pemenang BMS 1976/77. Sebanyak 48 karya hasil daripada 18 pelukis telah dipamerkan bertempat di 109, Jalan Ampang bermula 31 Disember 1976 hingga 20 Januari 1977. Acara BMS kali ini menyaksikan dua karya berjaya menarik hati juri

dengan karya Baharuddin Bador dengan karya berbentuk grafik dan Zolkeply Maulana dengan idea keadaan sosial dan corak hidup generasi muda kontemporari menerusi “*The Jeans Generation*”. Acara BMS tidak diadakan pada tahun 1978 hingga 1980 dan diisi dengan pertandingan seni visual kebangsaan yang lain, antaranya Pertandingan Seni Lukis dan Grafik 1977/1978 dan juga pertandingan Salon Malaysia.

BMS kembali semula pada tahun 1981 dengan 151 penyertaan dan hanya 44 peserta berjaya terpilih. Ponirin Amin berjaya membawa pulang hadiah utama melalui karya “Alibi Catur di Pulau Bidong” yang menggambarkan situasi pendatang, sesuai dengan isu yang melanda di Malaysia ketika itu. Buat pertama kalinya juga, hadiah kecil diperkenalkan dan diberi kepada lima pelukis lain. Pada tahun 1982, syarat umur telah ditukar dengan penyertaan dibenarkan kepada peserta yang berumur 35 tahun ke bawah. 97 karya oleh 39 peserta telah dipamerkan dan Zakaria Ali muncul sebagai pemenang dengan karya bercirikan Islam dengan penggunaan barat bertajuk “Al Rahman”. Karya beliau bersifat lirikal dan amat halus, selain terdapat percubaan untuk mencari sintesis di antara kesedaran Timur dan Barat yang kompleks dan terkawal (Komentar Panel hakim, 1982).



**Plat 2** Thangarajoo a/l M.A. Kanniah “Anak-Anak Alam”, BMS 1984

Thangarajoo a/l M.A. Kanniah menjadi pelukis berbangsa India pertama yang memenangi hadiah utama BMS pada tahun 1984. Karya unik beliau “Anak-anak Alam” berjaya menambat hati juri melalui keaslian kreativiti yang berbeza dengan ‘trend’ yang diterima (Bakat Muda Sezaman 1984, 1984). Enam peserta lain masing-masing membawa pulang hadiah kecil. Pemenang utama BMS 1985,

Jalaini Abu Hassan dengan karya “Catan Orang Kampung” pula membawa saranan konotasi sosiobudaya yang mengharu, ikhlas serta rendah diri (*Imbasan Bakat Muda Sezaman*, 1974-1997, 1999) Selain beliau, Lima lagi peserta membawa pulang dengan hadiah kecil, antaranya Awang Damit, Azimah Ahmad, Kasran Mat Jidin, Ismail Ibrahim dan Rafiee Abdul Ghani.

### PENDEKATAN BERTEMA: BMS 1986-1991


BMS 1986 merupakan permulaan bagi satu fasa perubahan yang menarik apabila pertandingan ini mula menumpukan kepada tema-tema tertentu. Tema ‘keamanan’ telah diangkat menjadi tema BMS 1986 sesuai dengan tahun tersebut yang dikenali sebagai Tahun Keamanan Antarabangsa (UNESCO). Lebih menarik lagi, BMS kali ini bukan sahaja berubah dari segi format, malah menyaksikan seorang pengkarya wanita pertama, Mastura Abdul Rahman muncul sebagai pemenang utama menerusi karya catan “Harmonious Interior”. Karya beliau menggambarkan keadaan ruang dalaman rumah tradisional Melayu dari perspektif atas digabung dengan reka corak/motif hiasan rupa bentuk Islam, selain penggunaan warna yang harmoni. Pemenang lain antaranya ialah Mohd Nasir dengan lakaran ‘peta’ keamanan ala Pollock dan Romli Mahmud dengan karya sindiran perkelahian pasangan yang mencapai keamanan di bilik tidur.



**Plat 3** Mastura Abd. Rahman “Harmonious Interior 10”, BMS 1986

Pendekatan bertema ini diteruskan pada BMS 1987 dengan tema ‘Perlindungan kepada yang tiada Kediaman, juga mengambil tema UNESCO. Karya “Koleksi 2000” Haron Mokhtar telah dinobatkan sebagai pemenang utama. Beliau berjaya menyampaikan perasaan kemanusiaan dalam konteks tempatan dengan kesinambungan nilai-nilai lama dan baru (Laporan Panel Hakim, 1987).

Tahun-tahun berikutnya memperlihatkan persaingan yang sengit antara dua pengkarya muda tanah air, iaitu Tan Chin Kuan dan Zulkifli Yusoff yang sangat mahir. BMS 1988 dengan bertemakan ‘Bahan dan Kreativiti’ menobatkan Zulkifli Yusoff sebagai pemenang utama menerusi karya instalasi ‘Tanpa Tajuk’ dan Tan Chin Kuan antara artis yang memberikan saingen. Seterusnya dalam BMS 1989, mereka sekali lagi berentap dan keputusannya kedua-dua pelukis ini muncul sebagai pemenang hadiah utama.



**Plat 4** Zulkifli Yusoff “Tanpa Tajuk”, BMS, 1989

Tema ‘Lawat Malaysia 1990’ telah diangkat sebagai tema BMS 1990 dalam usaha mempromosi sektor pelancongan negara. Namun, pada tahun itu laporan juri mempersoalkan tahap mutu karya yang dipersembahkan setiap peserta. Karya ‘The Moral Means behind the Visit Malaysia 1990’ oleh Tan Chin Kuan telah dipilih sebagai pemenang utama dengan penceritaan dua aspek pelancongan, iaitu tiraian popular masyarakat berbilang bangsa, dan norma serta larangan dalam masyarakat (Imbasan Bakat Muda Sezaman, 1974-1997, 1999). Pendekatan bertema terakhir adalah pada acara BMS 1991 dengan tema ‘warisan kita’. Satu kritikan yang diberikan juri ukuran sesbuah karya tidak selari dengan pencapaiananya. Hal ini menunjukkan saiz karya yang gah tidak menjanjikan kekuatan terhadap aspek formalistik mahupun intrinsik. Karya Bayu Utomo Radjikin “Bujang Berani” telah dipilih sebagai hadiah utama dengan mencerminkan penderitaan ala psikologi agung Freudian. Pemenang lepas, Tan Chin Kuan juga memberikan saingen yang tidak kurang hebatnya dengan karya “*The Sink of Our Heritage*”.

**Jadual 1** Tema pertandingan BMS 1985-1991

Tahun	Tema
1985	Bahan-bahan Tempatan
1986	Keamanan (UNSECO)
1987	Perlindungan kepada yang tiada Kediaman (UNESCO)
1988	Bahan dan Kreativiti
1889	Literacy
1990	Lawat Malaysia
1991	Warisan Kita

### **EKSPLORASI DAN REKONSTRUKSI FORMAT: BMS 1992-1997**

Usai BMS 1991, panel penilai merasakan pendekatan bertema akan membataskan idea dan eksplorasi peserta BMS dalam berkarya. Melalui pendekatan bertema, ekspresi peserta terhad berdasarkan tema tertentu dan menyebabkan karya yang dipersembahkan tidak mencapai tahap yang diharapkan. Oleh itu, penstrukturkan semula telah dibuat untuk BMS 1992. Pertandingan ini berbalik semula kepada landasan asal yang memberi ruang dan peluang kepada pengkarya muda menghasilkan karya eksplorasi baharu yang tidak terbatas. Perkara ini mendapat sambutan yang cukup luar biasa oleh pengkarya-pengkarya muda dengan penyertaan 223 orang pelukis dan 425 karya. Daripada jumlah tersebut, 199 karya daripada 66 peserta telah dipilih untuk dipamerkan dan Saudara Azman Hilmi muncul sebagai pemenang utama.



**Plat 5** Azman Hilmi “Simbol Ekspresi Watak”, BMS 1992

Kontroversi berlaku pada BMS 1994 apabila para juri sepakat bahawa tiada karya yang layak untuk diangkat untuk diberikan hadiah utama. Juri berpendapat, tiada daya cipta asli dan karya seni yang ikhlas dipersembahkan untuk

edisi kali ini. Oleh itu, jumlah wang hadiah telah dibahagikan sema rata dalam kalangan 11 peserta BMS (Shariff, 1994). BMS 1996 sekali lagi menyaksikan perubahan dari segi format. Perubahan format yang dianjurkan hasil daripada perbincangan panel pertandingan adalah (1) tidak adil untuk membandingkan karya dari pelbagai jenis media, olahan, skala dan objektif yang berlainan dalam satu kategori. (2) Perlunya para peserta untuk menghantar slaid pada penilaian pertama untuk dan hanya karya yang baik akan dipilih, seterusnya menjimatkan tenaga, ruang dan memudahkan pihak pengurusan. (3) Pertandingan hanya terbuka kepada peserta berumur antara 20-30 tahun supaya dapat menampilkan pengkarya yang matang dari sudut karyanya (Laporan Panel Hakim, 1996).



**Plat 6** Susylawati Sualaiman “Kedai Obat Jenun”, BMS 1997

Perubahan format yang dianjurkan pada BMS 1996 mula dilaksanakan pada BMS 1997. Pertandingan telah dipecahkan kepada empat kategori, iaitu catan, arca/instalasi, cetakan/fotografi, serta multimedia/eksperimental. Namun begitu, format pecahan sebegini mendapat kritikan daripada hakim jemputan daripada Institut Teknologi Bandung yang menyatakan, “*Haruskah bakat muda sezaman diminta berkarya dengan batasan/definisi seperti itu? Apakah tidak sewajarnya karya-karya itu kemudiannya menciptakan/melahirkan kategori-kategori/definisi-definisi baru?*” (Sebana, 1997). BMS tidak dilaksanakan pada tahun 1998 dan tumpuan diberikan dalam menjalankan kajian berkenaan keberkesanan program setelah 23 tahun ia dianjurkan (Sidek, 2015).

## **ALAF BARU DAN PENDEKATAN BARU, KONTROVERSI BARU: BMS 2000-2016**

BMS kembali pada tahun 2000 setelah dua kali tidak dianjurkan. Hasil kajian sepanjang 25 tahun pertandingan, beberapa format baharu telah dibuat, antaranya (1) BMS diadakan secara dwitahunan, (2) lima slaid karya sepanjang dua tahun perlu dihantar untuk menyertai pertandingan, dan (3) sepuluh hadiah disediakan dengan satu anugerah perdana, tiga hadiah khas juri dan enam hadiah penghargaan (Tan, 2000). Karya konseptual Bibi Chew “Fragile-Handle with Care” telah diangkat sebagai pemenang anugrah perdana. Format pertandingan diteruskan pada BMS 2002 dan 2004. Anugerah Perdana BMS 2002 dimenangi oleh karya duo Azizan Rahman Paiman dan Suhaila Hashim bertajuk “On Air” dan untuk BMS 2004 diterima Hazrul Masran Rusli dengan karya berjudul “M.O.U: Takkan Melayu Hilang di Dunia”.

Seperti BMS 1994, kontroversi sekali lagi tercetus apabila tiada karya diangkat sebagai penerima hadiah utama mengakibatkan tiada pemenang utama diumumkan bagi BMS 2006. BMS hanya kembali selepas empat tahun pada tahun 2010 dengan format yang agak berbeza di mana peserta perlu dicadangkan atau disyorkan untuk menyertai pertandingan (Azmi, 2010). Pencadang terdiri daripada ahli profesional seni seperti kurator, sejarawan seni, ahli akademik, pengkritik, pemilik galeri, penulis, pengumpul ataupun rakan artis. Terdapat juga kritikan terhadap kaedah pencadang ini dengan justifikasi bagi pihak pencadang dilihat agak kabur.

BMS 2013 menimbulkan sensasi tersendiri apabila dua karya, iaitu “Insert#” oleh Azat Arif dan “Alksnaabknuaunmo” oleh Cheng Yen Pheng diturunkan daripada pameran dengan justifikasi sensitiviti masyarakat dan penapisan seni. Karya instalasi Fuad Arif bertajuk “Pembukaan” telah diangkat sebagai pemenang utama. BMS 2016 pula, seperti tahun 1989 memberikan dua anugerah utama kepada dua artis muda berlainan. Dua penerima tersebut adalah Saiful Razman “Kau Datang Untuk Menghilang” dan Shin Pui San “Not So Far Away”.

**Jadual 2** Senarai pemenang BMS 1974-2016

Tahun	Pemenang Utama	Tajuk
1974	Zulkifli Mohd Dahalan	Halaman Rumah Kami
1975	Lee Kian Seng	Permainan Poker
1981	Ponirin Amin	Alibi Catur di Pulau Pinang
1982	Zakaria Awang	Al Rahman
1983	Mat Zali Ismail	Langkah
1984	Thangarajoo a/l M.A Kanniah	Anak-anak Alam
1985	Jalaini Abu Hassan	Catan Orang Akmpung IV
1986	Mastura Abdul Rahman	<i>Harmonius Interior</i>
1987	Haron bin Mokhtar	Koleksi 2000
1988	Zulkifli Yusof	Tanpa Tajuk 1/Untitled 1
1989	Tan Chin Kuan/ Zulkifli Yusof	Blue Night II/Dari Hitam Ke Putih
1990	Tan Chin Kuan	The Moral Means Behind The Visit Malaysia 1990
1991	Bayu Utomo Radjikin	Bujang Berani
1992	Azman Helmi	Simbol Ekspresi Watak I, ii, iii, iV
1994	Hasnul Jamal Saidon	<i>Mirror, Mirror on the Wall</i>
1996	Nur Hanim Khairuddin	Grimoire
1997	Susylawati Sulaiman	Kedai Obat Jenun
2000	Bibi Chew	<i>Fragile-Handle with Care</i>
2002	Azizan Rahman Paiman & Suhaila Hashim	<i>On Air</i>
2004	Hazrul Masran Rusli	M.O.U: Takkān Melayu Hilang di Dunia
2010	Haslin Ismail	The Way It All Works
2013	Mohd Fuad Arif	Pembukaan
2016	Saiful Razman Mohd Kassim/ Shin Pui San	Kau Datang Untuk Menghilang/ <i>Not So Far Away</i>

**KESIMPULAN**

BMS merupakan antara pertandingan seni visual yang paling berpengaruh di Malaysia. Walaupun pengaruh perkembangan seni rumpun (SERUM) kini tidak lagi hanya tertumpu kepada BMS, penganjurannya sehingga hari ini membuktikan pertandingan ini masih kekal relevan sebagai ruang dan peluang untuk artis muda bergerak maju ke hadapan.

Selain itu, BMS juga berpotensi untuk dilihat sebagai platform takrifan ‘sezaman’ dalam konteks seni visual Malaysia. Takrif sezaman bermaksud sentiasa berubah-ubah mengikut keadaan zaman dan period masa yang dirujuk. ‘Sezaman’ 40 tahun dahulu tidak akan sama dengan ‘sezaman’ 20 tahun dahulu,

dan tentunya berlainan dengan ‘sezaman’ hari ini (Ibrahim, 2010). Penganjurannya yang konsisten selama 40 tahun jika diterokai akan dapat memberikan pengertian ‘sezaman’ dan boleh difahami dengan melihat sifat-sifat dan juga kondisi yang mencorakkan masa kini.

## PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Balai Seni Visual Negara, terutamanya Encik Amerruddin Ahmad selaku Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, bahagian pustaka, penyelidikan dan kurator-kurator yang banyak membantu. Tidak lupa kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) atas tajaan pengajian.

## RUJUKAN

- Azmi, A. (2010). Resolusi Konflik Sebagai Satu Pengajaran dan Pembelajaran dalam Perihal Pengurusan Kuratorial Anugerah Bakat Muda Sezaman 2010. In *Bakat Muda Sezaman 2010* (p. 16). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Bakat Muda Sezaman 1984*. (1984). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Esa, S. (1974). Kritikan Mangenai Pameran “Pelukis-Pelukis Muda Sezaman” 1974. In *Pelukis-Pelukis Muda Sezaman*. Selangor: Balai Seni Lukis Negara.
- Esa, S. (2013). Identiti Islam dalam seni rupa Malaysia: Pencapaian dan Cabaran, Menanggap Identiti. In *Naratif Seni Rupa Malaysia 1*. Kuala Lumpur: RogueArt.
- Ibrahim, T. S. (2010). Laporan Juri. In *Bakat Muda Sezaman 2010* (p. 54). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Imbasan Bakat Muda Sezaman, 1974-1997*. (1999). Selangor: Balai Seni Lukis Negara.
- Komentar Panel hakim. (1982). In *Pameran Bakat Muda Sezaman* (p. 2). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Laporan Panel Hakim. (1987). In *Pameran Seni Lukis Bakat Muda Sezaman 1987*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Laporan Panel Hakim. (1996). In *Bakat Muda Sezaman 1996* (pp. 9-13). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Sapija, M. (2012). *The Turner Prize as a Tool for Changing The Social Construction of Taste. Analysis*. London: University College London.
- Sebana, S. (1997). Young Contemporaries Competition ‘97: An Impression. In *Bakat Muda Sezaman 1997* (p. 13). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Shariff, Z. (1994). Laporan Panel Hakim. *Pameran Bakat Muda Sezaman 1994*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Sidek, F. (2015). 40 Tahun Anugerah Bakat Muda Sezaman. *Dewan Budaya* (pp. 48-51).
- Sidik, F. (2010). Revolusi Pengalaman Seni, Sosio Budaya dan Politik Malaysia Menerusi Bakat Muda Sezaman 1970 an hingga kini. In *Sezaman ‘Bakat Muda Sezaman 2010’*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Tan, J. (2000). Laporan Hakim. In *Bakat Muda Sezaman 2000* (p. 8). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.